

## **PENYEDIAAN FASILITI OKU DI SEKOLAH MENENGAH PENDIDIKAN KHAS VOKASIONAL INDAH PURA**

Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi  
sebahagian daripada syarat penganugerahan  
Sarjana Pendidikan Teknik Dan Vokasional

Fakulti Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

JULAI 2012

## **ABSTRAK**

Perkara utama yang perlu dititikberatkan dalam pembelajaran pendidikan khas ialah fasiliti. Kekurangan penyediaan fasiliti bagi golongan OKU atau berpendidikan khas di peringkat persekolahan dan institut pendidikan tinggi telah menyebabkan golongan ini tidak dapat menjalani kehidupan yang selesa dan sempurna seperti warga atau pelajar-pelajar yang lain. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi pelajar dan kakitangan sekolah terhadap fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura seterusnya tahap penyediaan fasiliti di sekolah ini berdasarkan kepada tiga komponen iaitu aksesibiliti, ruang dan kemudahan sokongan. Rekabentuk kajian kes diaplikasikan dalam kajian ini. Kaedah kuantitatif seperti borang soal selidik, temubual, analisis dokumen, pemerhatian dan nota lapangan digunakan untuk mendapatkan maklumat. Hasil kajian mendapati kemudahan dari segi aksesibiliti yang disediakan adalah lengkap dan meliputi keseluruhan kampus. Namun, terdapat sedikit kekurangan disebabkan bangunan lama yang diubahsuai. Selain itu dari segi ruang pula ialah baik dan terdapat beberapa aspek yang tidak mengambilkira keperluan OKU disebabkan 80 peratus pelajar yang bersekoloh disini adalah yang mengalami kecacatan dari segi masalah pembelajaran. Seterusnya, kemudahan sokongan yang disediakan adalah baik dan tidak mengabaikan keperluan untuk OKU. Keseluruhannya, penyediaan fasiliti di sekolah ini ialah 81.33 peratus iaitu suatu jumlah memadai dan melengkapi kemudahan yang diperlukan. Oleh yang demikian, bagi membina bangunan lebih mesra OKU, yang disarankan agar institusi pengajian tinggi memperkenalkan kursus berkenaan kemudahan OKU dalam pengajian senibina dan kejuruteraan bagi melahirkan pakar-pakar dalam bidang kemudahan untuk OKU walaupun sekolah yang sedia ada adalah untuk diubah suai.

## **ABSTRACT**

The main thing to be considered in special education is learning facilities. Lack of provision of facilities for the disabled or special education at the secondary school and higher education institutions has made them unable to live comfortably and perfectly as the other students. The objective of this research is to examine the perceptions of students and school staff on the facility of special education students of Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura and the provision of school facilities standard based on accessibility, spatial and other support. This is a case study research which is using quantitative methods such as questionnaires, interviews, document analysis, observations and field notes. Results showed that in terms of facilities accessibility provided is complete and covers the entire campus. However, there is some deficiency due to modified ancient buildings. Furthermore, the spatial facilities provided are good and there are some aspects that have not considered the needs of disabled people because 80 percent of the students here is a defect in terms of learning disabilities. Further, the ancillary equipment provided are good and do not ignore the need for disabled people. Overall, the provision of school facilities is at 81.33 percent, a maximum amount as completed necessary facilities. Thus, for more disabled-friendly building, which suggested that higher education institutions to introduce courses on disabled facilities in the study of architecture and engineering to produce experts in the field of school facilities for the disabled even if the existing is to be modified.

## KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>i</b>
<b>PENGAKUAN</b>	<b>ii</b>
<b>DEDIKASI</b>	<b>iii</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>iv</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>v</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>vi</b>
<b>KANDUNGAN</b>	<b>vii</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xv</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xvi</b>
<b>BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>
1.1	Pengenalan 1
1.2	Latar Belakang Kajian 2
1.3	Pernyataan Masalah 3
1.4	Objektif Kajian 5
1.5	Persoalan Kajian 5
1.6	Skop Kajian 6
1.7	Batasan Kajian 6
1.8	Kepentingan Kajian 6
1.9	Definisi Operasional 7
1.9.1	Fasiliti 7
1.9.2	Pendidikan Khas 8
1.10	Kerangka Konseptual 8
1.11	Kesimpulan 9

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	10
2.2	Definisi dan Konsep	10
2.2.1	Fasiliti	11
2.2.2	Pendidikan Khas	11
2.2.3	Orang Kurang Upaya (OKU)	12
2.3	Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indah Pura, Kulai, Johor	13
2.4	Kategori Orang Kurang Upaya	14
2.4.1	Kurang Upaya Fizikal	14
2.4.1.1	Pengguna Tongkat	14
2.4.1.2	Pengguna Kerusi Roda	15
2.4.2	Kurang Upaya Pendengaran	18
2.4.3	Kurang Upaya Penglihatan	18
2.4.4	Masalah Pembelajaran	19
2.4.4.1	<i>Individual with Disabilities Education Act (IDEA), 1997</i>	19
2.4.4.2	<i>The National Joint Committee on Learning Disabilities (NJCLD), 1990</i>	19
2.4.4.3	Definisi Kanak-Kanak Bermasalahan Pembelajaran ( <i>Learning Disabilities</i> )	20
2.4.4.4	Definisi Pelajar Bermasalahan Pembelajaran (PKBP)	21
2.5	Peruntukan Perundangan di Malaysia	21
2.5.1	Undang-undang Kecil Bangunan Seragam	21
2.5.2	<i>Standard &amp; Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) Code of Practice</i>	22
2.5.3	<i>Code of Practice For Access for Disabled People to Public Buildings, (MS 1184)</i>	23
2.5.4	<i>Code of Practice for Access for Disabled People Outside Buildings (MS 1331), 1993</i>	23
2.5.5	<i>Code of Practice for Means of Escape for Disabled (MS 1183), 1990</i>	24

2.6	Garis Panduan Umum Perancangan Kemudahan Golongan Kurang Upaya di Malaysia	24
2.7	Kemudahan yang Perlu disediakan untuk Golongan Kurang Upaya	25
2.8	Kajian Lepas Berkenaan Fasiliti Orang Kurang Upaya	33
2.9	Kesimpulan	37

### **BAB 3**

#### **METODOLOGI**

3.1	Pengenalan	38
3.2	Rekabentuk Kajian	38
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	39
3.4	Instrumen kajian	40
	3.4.1 Borang Soal Selidik	40
	3.4.2 Senarai Semak	42
	3.4.3 Analisis Dokumen	42
3.5	Tempoh Kajian	43
3.6	Lokasi Kajian	43
3.7	Kesahan dan kebolehpercayaan	43
	3.7.1 Kesahan	44
	3.7.2 Kajian Rintis	44
	3.7.3 Kebolehpercayaan	45
3.8	Proses Pengumpulan Data	46
	3.8.1 Kaedah Soal Selidik	46
	3.8.2 Kaedah Temubual	46
	3.8.3 Kaedah Pemerhatian	47
	3.8.4 Kaedah Analisis Dokumen	49
	3.8.5 Nota Lapangan	49
3.9	Proses Analisis Data	50
	3.9.1 Analisis Soal Selidik	50
	3.9.2 Temubual	51
3.10	Kesimpulan	53

## **BAB 4**

### **DAPATAN KAJIAN**

4.1	Pengenalan	54
4.2	Hasil Kajian	54
4.2.1	Jantina	54
4.2.2	Bangsa	56
4.2.3	Umur	57
4.2.4	Kecacatan	58
4.2.5	Alat bantuan	59
4.2.6	Bantuan yang diterima	59
4.2.7	Persoalan Kajian 1: Persepsi Pelajar Terhadap Elemen Aksesibiliti Fasiliti Pelajar Pendidikan Khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	60
4.2.8	Persoalan Kajian 2: Persepsi Pelajar Terhadap Elemen Reruang Fasiliti Pelajar Pendidikan Khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	62
4.2.9	Persoalan Kajian 3: Persepsi Pelajar Terhadap Elemen Kemudahan Sokongan Fasiliti Pelajar Pendidikan Khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	63
4.2.10	Persoalan Kajian 4: Persepsi Kakitangan Sekolah Terhadap Elemen Aksesibiliti Fasiliti Pelajar Pendidikan Khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	64
4.2.11	Persoalan Kajian 5: Persepsi Kakitangan Sekolah Terhadap Elemen Reruang Fasiliti Pelajar Pendidikan Khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	66
4.2.12	Persoalan Kajian 6: Persepsi Kakitangan Sekolah Terhadap Elemen Kemudahan Sokongan Fasiliti Pelajar Pendidikan Khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	68

4.2.13	Persoalan Kajian 7: Tahap Penyediaan Fasilitas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	69
4.9	Kesimpulan	75
<b>BAB 5</b>	<b>PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN</b>	
5.1	Pendahuluan	76
5.2	Perbincangan	76
5.2.1	Persepsi pelajar terhadap elemen aksesibiliti fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	77
5.2.2	Persepsi pelajar terhadap elemen ruang fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	77
5.2.3	Persepsi pelajar terhadap elemen kemudahan sokongan fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	78
5.2.4	Persepsi guru dan pekerja bukan akademik sekolah terhadap elemen aksesibiliti fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	79
5.2.5	Persepsi guru dan pekerja bukan akademik sekolah terhadap elemen ruang fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	80
5.2.6	Persepsi guru dan pekerja bukan akademik sekolah terhadap elemen kemudahan sokongan fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	81



5.2.7	Tahap penyediaan fasiliti Sekolah	
	Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura	82
5.2.7.1	Perbezaan Kemudahan yang diperlukan	
	OKU dan telah disediakan oleh Sekolah	84
5.2.7.2	Perbezaan Persepsi Terhadap Kemudahan	
	OKU Antara Pelajar dengan Kakitangan	
	Sekolah	86
5.3	Cadangan kepada pihak pengurusan	87
5.3.1	Cadangan mengatasi persekitaran yang kurang	
	Mesra	87
5.3.2	Cadangan memperkenalkan kursus berkenaan	
	kemudahan untuk OKU	87
5.3.3	Cadangan memperluaskan penggunaan teknologi	
	maklumat dan komunikasi (ICT)	88
5.3.4	Cadangan melengkapkan fasiliti aksesibiliti	
	kepada bangunan sedia ada	88
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	89
5.5	Kesimpulan	90
	<b>RUJUKAN</b>	<b>91</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>99</b>

## SENARAI RAJAH

1.1	Kerangka Konsep Kajian	1
2.1	Had Jangkauan Pengguna Tongkat	15
2.2	Saiz Standard Kerusi Roda	16
2.3	Jangkauan Pengguna Kerusi Roda	16
2.4	Jangkauan Tanpa Halangan	17
2.5	Capaian Sisi Tanpa Halangan	17
2.6	Ruang Kelegaan Kerusi Roda Dan Diameter Putaran Kerusi Roda	18
2.7	Ruang Kelegaan bagi Pengguna Tongkat	19
2.8	<i>Ramp</i>	27
2.9	<i>Handrail</i>	27
2.10	Laluan Pejalan Kaki	28
2.11	Laluan Bertekstur	29
2.12	Tangga	30
2.13	Tempat Letak Kenderaan	31
2.14	Perabot Jalan	32
2.15	Papan Tanda	33
4.1	Jantina (guru dan pekerja bukan akademik)	55
4.2	Jantina (pelajar)	55
4.3	Bangsa (guru dan pekerja bukan akademik)	56
4.4	Bangsa (pelajar)	56
4.5	Umur (guru dan pekerja bukan akademik)	57
4.6	Umur (pelajar)	58
4.9	Tahap kemudahan OKU	70
5.1	Perbezaan kemudahan yang diperlukan OKU dan telah disediakan oleh sekolah	85

5.2 Perbezaan Persepsi Terhadap Kemudahan OKU Antara Pelajar dengan  
Kakitangan Sekolah

## SENARAI JADUAL

1.1	Orang Kurang Upaya yang Berdaftar mengikut Jenis Kecacatan (2008)	3
2.1	Saiz Standard Kerusi Roda	15
2.2	Komponen dan Elemen yang perlu disediakan untuk Kemudahan OKU	26
3.1	Pemberatan Skala Likert	41
3.2	Pemerhatian penggunaan kemudahan OKU	48
3.3	Objektif dan Kaedah Kajian	51
3.4	Skala bagi tahap kecenderungan min	51
4.1	Jenis kecacatan	58
4.2	Alat bantuan	59
4.3	Bantuan yang diterima	60
4.4	Aksesibiliti ((keperluan kemudahan OKU di sekolah)	60
4.5	Aksesibiliti (kemudahan OKU yang sedia ada di sekolah)	61
4.6	Reruang (keperluan kemudahan OKU di sekolah)	61
4.7	Reruang (kemudahan OKU yang sedia ada di sekolah)	62
4.8	Kemudahan sokongan (Keperluan Kemudahan OKU di sekolah)	63
4.9	Kemudahan sokongan (kemudahan OKU yang sedia ada di sekolah)	63
4.10	Aksesibiliti	64
4.11	Reruang	66
4.12	Kemudahan Sokongan	68
4.13	Tahap kemudahan OKU	70
4.14	Pemerhatian penggunaan kemudahan OKU	71
5.1	Perbezaan kemudahan yang diperlukan OKU dan telah disediakan oleh sekolah	85
5.2	Perbezaan Persepsi Terhadap Kemudahan OKU Antara Pelajar dengan Kakitangan Sekolah	86

## SENARAI SINGKATAN

PKBP	-	Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran
ICT	-	<i>Information and Communications Technology</i>
JPK	-	Jabatan Pendidikan Khas
SMPK	-	Sekolah Menengah Pendidikan Khas
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
OKU	-	Orang Kurang Upaya

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Setiap pelajar di Malaysia mempunyai peluang yang sama untuk mendapat pendidikan tidak mengira umur, jantina ataupun bangsa. Falsafah Pendidikan Negara berhasrat menghasilkan individu maju dari segi intelek, rohani, jasmani, emosi dan sosial. Kementerian pelajaran merupakan badan induk yang merancang, menyusun, melaksana dan memantau proses pendidikan terhadap pelajar-pelajar seawal usia lima tahun hingga sembilan belas tahun. Kokurikulum yang dirancang dan dilaksanakan direkabentuk sesuai dengan faktor-faktor pelajar seperti umur, keadaan fizikal, mental dan sahsiah. Begitu juga kementerian pelajaran membentuk satu unit khas bagi melaksanakan pendidikan bagi mereka yang dikatakan istimewa seperti kecacatan fizikal dan mental iaitu unit pendidikan khas.

Pendidikan Khas merupakan unit berkenaan di bawah kelolaan Jabatan Pendidikan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia ditubuhkan pada bulan Oktober 1995 selaras dengan penstrukturan semula Kementerian Pelajaran Malaysia. Jabatan ini bertanggung jawab ke atas hal-hal professional bagi semua Program Pendidikan Khas yang dilaksanakan termasuk program integrasi dan program inklusif (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2004). Salah satu fungsi jabatan ini adalah merancang, melaksana dan memantau sekolah-sekolah khas bagi murid-murid bermasalah penglihatan dan bermasalah pendengaran. Manakala program pendidikan khas integrasi disediakan untuk murid-murid berkeperluan khas bermasalah pelajaran pembelajaran, pendengaran dan penglihatan. Program tersebut diwujudkan di sekolah harian biasa rendah dan menengah serta sekolah menengah teknik atau

vokasional yang menggunakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran secara pengasingan dan separa inklusif.

Bahagian pendidikan khas amat penting dimana kejayaan melaksanakan fungsi mereka akan menghasilkan pelajar-pelajar istimewa mendapat peluang pendidikan dan kemahiran untuk memasuki bidang kerjaya yang sesuai.

## **1.2 Latarbelakang Masalah**

Peringkat persekolahan kanak-kanak istimewa ini adalah sama dengan kanak-kanak normal yang lain iaitu bermula dengan Pra sekolah, Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah. Kanak-kanak ini mula memasuki prasekolah melalui Program Pra Sekolah di sekolah Pendidikan Khas apabila berumur enam tahun dan tamat empat belas tahun. Mereka mestilah disahkan oleh pengamal perubatan sebagai kanak-kanak istimewa dan boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain dan apabila tamat pra sekolah, kanak-kanak pendidikan khas boleh memasuki sekolah rendah mengikut aliran akademik (Zainuddin, 2007).

Setelah tamat sekolah rendah pelajar pendidikan khas boleh memasuki pelajaran peringkat menengah dan syarat yang dikenakan iaitu berumur 13 hingga 19 tahun, disahkan oleh pengamal perubatan dan boleh mengurus diri tanpa bantuan orang lain. Dua jenis aliran pelajaran peringkat Sekolah Menengah ialah aliran akademik dan vokasional. Aliran akademik boleh diikuti di sekolah menengah akademik biasa dan vokasional di sekolah menengah teknik yang terlibat. Tempoh pengajian pelajar Pendidikan Khas berbeza dengan pelajar normal yang lain. Pengajian peringkat sekolah rendah adalah enam tahun. Manakala peringkat menengah pula adalah lima tahun. Namun, boleh dilanjutkan sehingga dua tahun pada mana-mana peringkat sekolah.

Menurut definisi yang diberikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (2008), OKU atau pelajar Pendidikan Khas ialah seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri dalam memperolehi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan kekurangan, samada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian hari. Mengikut statistik daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sehingga 2007, terdapat seramai 220,250 OKU yang telah berdaftar dengan jabatan ini. Daripada jumlah yang berdaftar, 20,039 orang tergolong dalam kategori kurang

upaya penglihatan, 31,715 orang kategori kurang upaya pendengaran, 73,559 orang kategori kurang upaya fizikal, 85,812 orang kategori masalah pembelajaran sementara 9,125 orang dalam kategori ketidakupayaan.

Jadual 1.1: Orang Kurang Upaya yang Berdaftar mengikut Jenis Kecacatan (2008)

<b>Jenis Kecacatan</b>	<b>Bilangan</b>
Penglihatan	20, 039
Pendengaran	31, 715
Fizikal	73, 559
Pembelajaran Sementara	85, 812
Ketidakupayaan	9, 125
<b>Jumlah</b>	<b>220, 250</b>

Pada masa sekarang terdapat pelbagai kejayaan daripada golongan ini dalam bidang pendidikan sama seperti pelajar normal. Kejayaan itu membuka laluan kepada golongan ini untuk mengikuti pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Namun demikian, fasiliti untuk golongan OKU ini sangat penting untuk dititik beratkan bagi membolehkan mereka berada dalam persekitaran yang mesra OKU. Persekitaran kampus harus sesuai bagi memudahkan warga OKU bergerak secara bebas tanpa bantuan. Dengan cara ini golongan OKU boleh berdikari dan menikmati kemudahan seperti warga kampus yang lain. Persekitaran yang hendak disediakan seharusnya menepati garis panduan yang telah ditetapkan oleh *Standards & Industrial Research Institute Of Malaysia* (SIRIM) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. demikianlah juga dengan sekolah yang mempunyai pelajar kurang upaya. Terdapat beberapa perkara berkaitan OKU yang harus diberikan perhatian seperti penginapan, pembelajaran, pemakanan, sukan, sosialisasi, kesihatan, perhubungan dan komunikasi, kerohanian, bank data dan unit sokongan OKU.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Pelajar-pelajar pendidikan khas bukan sahaja memerlukan kokurikulum yang khusus dan guru-guru yang mempunyai kemahiran khusus dalam bidang berkaitan juga memerlukan persekitaran pembelajaran yang kondusif bersesuaian dengan tahap keupayaan mereka. Kekurangan penyediaan fasiliti bagi golongan OKU atau berpendidikan khas di peringkat persekolahan dan institut pendidikan tinggi telah



menyebabkan golongan ini tidak dapat menjalani kehidupan yang selesa dan sempurna seperti warga atau pelajar-pelajar yang lain. Keadaan ini menyebabkan pelajar OKU mengalami kesusahan dan kesukaran dalam menjalankan aktiviti dan pembelajaran. Seterusnya berasa bimbang dan dilema dalam meneruskan pengajian diperingkat tertinggi kerana beranggapan di institusi pengajian tinggi juga tidak prihatin dalam menyediakan kemudahan bagi mereka dalam meneruskan rutin pembelajaran di kampus. Malah, ada antara institusi pengajian yang menolak permohonan golongan OKU dengan alasan yang seringkali digunakan adalah tidak memiliki kemudahan asas untuk golongan OKU meneruskan kehidupan rutin. Terdapat juga pelajar yang terpaksa berpindah ke institusi pengajian tinggi yang lain.

Walaupun terdapat kesedaran untuk menjamin keselesaan dan mencapai keadaan mesra OKU tetapi masih terdapat kekurangannya. Ini kerana, secara keseluruhannya penyediaan fasiliti untuk OKU di peringkat persekolahan adalah terhad kepada beberapa kawasan dan hanya terdiri daripada beberapa perkara asas sahaja, iaitu penyediaan *ramp*, laluan OKU, dan tandas. Masih terdapat banyak bangunan yang mempunyai halangan yang besar kepada golongan ini untuk laluan ke bangunan tersebut.

Di Australia, keperluan dalam menyediakan laluan akses ke sesuatu bangunan bagi golongan kurang upaya dikuatkuasakan oleh *Disability Discrimination Act (Commonwealth Government Of Australia, 1992)*, *Building Code of Australia (ABCB, 2007)* dan pelbagai piawaian yang lain seperti *AS1428 (Standards Australia, 2001)*. Namun demikian walaupun kesemua dokumen dan penguatkuasaan ini wujud tidak ada jaminan kesemua penyediaan fasiliti untuk golongan OKU menepati garis panduan yang telah ditetapkan. Menurut laporan Castell (2006), beliau telah membongkarkan bahawa terdapat arkitek mempunyai pemahaman yang kurang mengenai keperluan laluan akses bagi golongan kurang upaya ini.

Presiden Persatuan Mahasiswa Istimewa Universiti Malaya (Permium), Ahmad Shamsuri Muhamad, telah mengakui bahawa terdapat IPTA yang tidak menyediakan kemudahan bagi OKU meneruskan pengajian. Terdapat pelajar yang berkerusi roda terpaksa bergerak lebih jauh dengan menggunakan laluan kenderaan kerana tidak dapat menyusuri laluan pejalan kaki. Hal ini sangat membimbangkan dan memberi kesan yang besar untuk mereka terus belajar dengan tahap keupayaan

yang sedia ada. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan untuk mengkaji fasiliti pembelajaran bagi memenuhi keperluan golongan kurang upaya berkenaan.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Unjuran daripada permasalahan kajian, objektif kajian ini adalah:

- (i) Mengkaji persepsi pelajar terhadap fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura
- (ii) Mengenalpasti persepsi kakitangan sekolah terhadap fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura
- (iii) Mengkaji tahap penyediaan fasiliti Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Unjuran daripada permasalahan kajian, persoalan bagi kajian ini adalah:

- (i) Apakah persepsi pelajar terhadap elemen aksesibiliti fasiliti pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura?
- (ii) Apakah persepsi pelajar terhadap elemen ruwang fasiliti pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura?
- (iii) Apakah persepsi pelajar terhadap elemen kemudahan sokongan fasiliti pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura?
- (iv) Apakah persepsi kakitangan sekolah terhadap elemen aksesibiliti fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura?
- (v) Apakah persepsi kakitangan sekolah terhadap elemen ruwang fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura?
- (vi) Apakah persepsi kakitangan sekolah terhadap elemen kemudahan sokongan fasiliti pelajar pendidikan khas Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura?
- (vii) Apakah tahap penyediaan fasiliti Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura?

## **1.6 Skop Kajian**

Kajian yang dijalankan adalah berkaitan dengan fasiliti untuk golongan pendidikan khas dari segi aksesibiliti, ruang dan kemudahan sokongan. Kajian telah difokuskan kepada kakitangan sekolah dan pelajar Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indah Pura, Kulai Johor

## **1.7 Batasan Kajian**

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indah Pura, Kulai Johor yang melibatkan beberapa warga sekolah iaitu kakitangan sekolah dan para pelajar. Walaubagaimanapun, bagi menambahkan maklumat dan mengukuhkan lagi kajian, penyelidik telah melibatkan institusi atau pertubuhan yang terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan khas seperti Pusat Dalam Komuniti (PDK) Felda Air Tawar 05 Kota Tinggi Johor dan Pusat Terapi Kesihatan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Batu Pahat, Johor.

## **1.8 Kepentingan Kajian**

Kepentingan kajian ialah faedah atau kelebihan yang diperoleh hasil kajian yang telah dijalankan khususnya kepada pihak-pihak yang terlibat. Kepentingan utama kajian adalah kepada OKU. Melalui hasil kajian ini, adalah diharapkan golongan OKU akan mendapat hak yang sama rata dalam menjalani dan menikmati fasiliti seperti warga sekolah yang lain. Ia juga dapat membantu golongan ini berkeupayaan menyesuaikan diri, berinteraksi dengan masyarakat kampus dan mencapai kesejahteraan hidup secara keseluruhan. Pencapaian akademik pelajar juga dapat dipertingkatkan dengan kesungguhan dan komitmen pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh dengan kemudahan yang lengkap.

Kedua ialah kepada kerajaan atau pihak sekolah. Melalui hasil kajian ini, diharapkan pihak kerajaan terutamanya Kementerian Pendidikan akan lebih peka dengan masalah yang dihadapi oleh OKU di sekolah-sekolah mahupun di IPTA. Mereka dapat menggunakan hasil kajian ini untuk penyediaan fasiliti OKU dengan lebih sempurna pada masa akan datang.

Ketiga ialah Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Melalui hasil kajian ini, diharapkan CIDB yang mempunyai peranan penting dalam industri pembinaan di Malaysia supaya dapat membuat dasar dan penguatkuasaan dalam setiap pembinaan yang hendak dijalankan supaya mengutamakan keselesaan golongan OKU.

Seterusnya kepada pelajar. Walaupun terdapat banyak isu tentang OKU, namun kita masih kekurangan kajian terutama sekali di kalangan pelajar itu sendiri. Dengan hasil kajian ini diharapkan ianya dapat dijadikan rujukan kepada pelajar lain dalam menjalankan kajian pada masa akan datang.

## **1.9 Definisi Operasional**

Tujuan definisi dibuat adalah untuk memudahkan kajian dilakukan serta pembaca memahami perkara yang akan dikaji dalam kajian ini. Definisi adalah sangat penting supaya ianya menepati kehendak tajuk kajian.

### **1.9.1 Fasiliti**

Secara umumnya, fasiliti juga dikenali sebagai kemudahan awam. Ia menggambarkan kemudahan fizikal dan perkhidmatan yang disediakan bagi sesuatu kawasan. Kawasan yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura.

Menurut akta perancangan bandar dan desa (Akta 172), kemudahan ialah apa-apa kualiti atau keadaan sesuatu tempat atau kawasan yang turut menyebabkan kawasan itu menjadi seronok, harmoni dan dapat dinikmati dengan lebih baik termasuklah kawasan lapang, taman, taman rekreasi dan tempat permainan. Pengertian ini lebih jelas menerangkan bahawa kemudahan mampu menyenangkan manusia dan sebarang kerja menjadi sempurna. Dalam kajian ini, istilah kemudahan turut digunakan untuk menggantikan fasiliti.

### **1.9.2 Pendidikan Khas**


Pendidikan Khas merupakan pendidikan untuk golongan yang tidak berupaya menentukan sendiri dalam memperolehi sepenuhnya atau sebahagian disebabkan kekurangan, samada ia berlaku semenjak lahir atau kemudian hari. Golongan khas ini juga dikenali sebagai golongan orang kurang upaya (OKU).

Rata-rata masyarakat menganggap golongan OKU ini adalah terdiri daripada mereka yang cacat fizikal dan mental sahaja, sedangkan definisinya adalah lebih luas jika dilihat dari pelbagai aspek.

Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia telah mendefinisikan OKU sebagai seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri dalam memperolehi sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan kekurangan, sama ada ianya berlaku semenjak lahir atau kemudian hari. Definisi ini lebih jelas menerangkan kepelbagaian jenis ketidak upaya yang dialami oleh individu sama ada dari segi fizikal ataupun mental.

### **1.10 Kerangka Konseptual**

Kerangka konsep yang digunakan dalam kajian ini ialah berdasarkan Zubir, (2002) dalam Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Kemudahan Golongan Kurang Upaya. Berdasarkan Garis Panduan ini terdapat tiga elemen dalam penyediaan kemudahan untuk golongan Orang Kurang Upaya (OKU) iaitu kemudahan aksesibiliti, reruang dan kemudahan sokongan. Elemen-elemen ini mempunyai sub-sub elemen yang boleh dibuat kajian.



Rajah 1.1: Kerangka Konseptual (Zubir, 2002)

### 1.11 Kesimpulan

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji penyediaan fasiliti bagi golongan OKU yang merupakan keperluan yang sangat penting untuk memastikan golongan ini tidak berasa terpinggir dan boleh menjalani kehidupan yang sempurna seperti masyarakat normal yang lain. Secara keseluruhannya bahagian ini memberi gambaran awal mengenai kajian yang dilakukan dengan menghuraikan sebab kajian ini dibuat beserta dengan objektif dan persoalan-persoalan kajian.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 Pengenalan**

Bab ini membincangkan isu-isu berkaitan dengan orang kurang upaya (OKU). Definisi mengenai fasiliti, Pendidikan Khas dan Orang Kurang Upaya (OKU) telah diterangkan dengan lebih jelas supaya kajian dapat dilakukan dengan tepat. Ini kerana terdapat kepelbagaian istilah yang wujud untuk golongan ini. Kategori dan jenis-jenis kecacatan turut dikenalpasti supaya keperluan untuk penyediaan fasiliti bersesuaian dengan golongan ini. Persekitaran bebas halangan bagi golongan ini perlu dititikberatkan kerana mereka juga perlu berdikari seperti golongan normal untuk melakukan aktiviti harian. Oleh itu, fasiliti aksesibiliti untuk mewujudkan persekitaran bebas halangan perlu mengambil kira keperluan golongan OKU ini.

Dalam bab ini beberapa kajian lepas telah digariskan yang mempunyai kaitan dengan tajuk kajian ini. Kajian-kajian tersebut telah dilakukan oleh pengkaji-pengkaji sebelum ini.

#### **2.2 Definisi dan Konsep**

Tujuan definisi dibuat adalah untuk memudahkan kajian dilakukan serta pembaca memahami perkara yang telah dikaji dalam kajian ini. Definisi mempunyai persamaan dengan konsep. Perkara ini adalah sangat penting supaya ia menepati kehendak tujuan. Pelbagai andaian dan konsep yang telah diterima. Oleh itu tanpa mengetahui keadaan konsep yang sebenar dan bertepatan, maka kesilapan dan kelalaian terjadi.

### **2.2.1 Fasiliti**

Fasiliti yang dikenali secara umum adalah sebagai kemudahan awam. Ia menggambarkan kemudahan fizikal dan perkhidmatan yang disediakan bagi sesuatu kawasan. Dalam kajian ini, kawasan yang dimaksudkan adalah Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indahpura, Kulai Johor.

Menurut Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172), kemudahan dimaksudkan sebagai apa-apa kualiti atau keadaan sesuatu tempat atau kawasan yang turut menyebabkan kawasan itu menjadi seronok, harmoni dan dapat dinikmati dengan lebih baik dan termasuklah kawasan lapang, taman, taman rekreasi dan tempat permainan. Oleh itu, kemudahan atau fasiliti adalah sesuatu yang menyenangkan serta dapat dinikmati oleh manusia dengan sempurna.

### **2.2.2 Pendidikan Khas**

Menurut pendapat pelbagai pihak, terdapat pelbagai maksud Pendidikan Khas. Antaranya ialah:

- (i) Hallahan dan Kauffman (1977), menyatakan Pendidikan Khas bermakna pengajaran yang direka khas untuk memenuhi keperluan-keperluan yang luar biasa seseorang kanak-kanak yang luar biasa. Bahan-bahan khas, teknik-teknik pengajaran atau peralatan dan kemudahan-kemudahan yang diperlukan.
- (ii) Culatta dan Tompkins (1999), menyatakan Pendidikan Khas ialah pengajaran yang bercorak individu direka untuk memenuhi keperluan-keperluan pendidikan dan berkaitan dengan murid-murid kurang upaya. Pendidikan Khas menyediakan peluang-peluang pembelajaran yang tidak disediakan dalam kurikulum yang baku atau biasa atau perkhidmatan-perkhidmatan sekolah biasa.
- (iii) Kirk (1993), menjelaskan kanak-kanak berkeperluan khas sebagai kanak-kanak yang berbeza dari kanak-kanak sederhana atau biasa dalam ciri-ciri mental keupayaan-keupayaan deria dalam ciri-ciri saraf dan otot atau fizikal dalam tingkahlaku sosial atau emosi dalam keupayaan komunikasi atau dalam pelbagai kekurangan sehinggakan ia memerlukan amalan-amalan sekolah



yang diubahsuai atau perkhidmatan-perkhidmatan pendidikan khas, supaya ia boleh berkembang sehingga kemampuan yang maksimum.

- (iv) Pendidikan Khas merujuk kepada pendidikan pelajar luar biasa atau istimewa dari segi intelek, jasmani, sosial ataupun emosi, tidak mencapai pertumbuhan dan penyuburan biasa sehingga mereka tidak mendapat faedah sepenuhnya daripada rancangan sekolah biasa. Pendidikan khas diperlukan agar dapat memperkembangkan lagi keupayaan intelek, rohani, emosi, dan jasmani dalam kalangan pelajar kurang upaya. Pendidikan Khas disediakan untuk kanak-kanak seperti cacat pendengaran, cacat penglihatan, terencat akal, cacat fizikal dan termasuk pelajar yang pintar cerdas. (Rajeun, 2008).
- (v) Pendidikan Khas menyediakan pengajaran dan pembelajaran untuk menolong pelajar-pelajar yang kurang upaya yang menghadapi masalah pembelajaran dalam menguasai sesuatu kemahiran melalui pendekatan, motivasi, bahan-bahan pelajaran serta aktiviti-aktiviti yang alternatif. Seseorang guru yang menggunakan pendekatan serta kaedah yang berlainan daripada guru-guru yang lain yang mengajar disekolah biasa. (Abu. & et.al, 2007).

Oleh yang demikian, Pendidikan Khas adalah pembelajaran istimewa untuk golongan-golongan yang tertentu yang memiliki kekurangan yang jelas dari segi fizikalnya. Golongan yang melalui program Pendidikan Khas ini perlu melalui pelbagai peringkat penapisan sebelum disahkan layak bergelar pelajar Pendidikan Khas.

### **2.4.3 Orang Kurang Upaya (OKU)**

Definisi bagi golongan OKU juga adalah berbeza mengikut pendapat pelbagai pihak. Rata-rata masyarakat masih menganggap golongan OKU ini adalah terdiri daripada mereka yang cacat anggota fizikal dan mental.

Jabatan Masyarakat Malaysia (2008) telah mendefinisikan OKU sebagai seseorang yang tidak berupaya menentukan sendiri dalam memperoleh sepenuhnya atau sebahagian daripada keperluan biasa seseorang individu dan atau tidak dapat hidup bermasyarakat sepenuhnya disebabkan kekurangan, samada ianya berlaku semenjak lahir atau kemudian hari.

*United State Department of Health and Human Services* telah mentakrifkan OKU sebagai yang terhalang fungsi pergerakannya (berbeza dengan orang yang mempunyai kemampuan tubuh badan) dan sebagai penyelesaian kepada halangan tersebut disediakan rekabentuk bangunan, pilihan peralatan dan kelengkapan serta susunan di luar kawasan khas untuk mereka.

## **2.5 Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Indah Pura, Kulai, Johor**

Sekolah ini merupakan sekolah vokasional pertama di Malaysia yang menempatkan tiga kategori kecacatan murid yang terdiri daripada murid bermasalah pendengaran, penglihatan dan pembelajaran. Sekolah ini yang mula beroperasi pada 2004 boleh menempatkan 250 orang murid dalam satu-satu kohort (Nasri, Hamzah & Udin, 2008).

Sekolah ini adalah Sekolah Menengah Pendidikan Khas yang ke-32 ditubuhkan dan tersenarai dibawah pengurusan Bahagian Pendidikan Khas (BPKhas), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Hasil daripada persefahaman dan kerja erat antara JPK, KPM, JPN Johor dan PPD Kulaijaya. Pembukaan SMPK Vokasional Indahpura bertujuan untuk menjana dan meningkatkan serta membuka peluang yang luas kepada lebih ramai murid berkeperluan khas untuk mendapat pendidikan dan latihan khusus dalam bidang vokasional dan kemahiran.

SMPK Vokasional Indahpura, Kulaijaya adalah yang pertama melaksanakan konsep tiga dalam satu, di mana ianya menggabungkan tiga kategori murid berkeperluan khas iaitu kategori penglihatan, pendengaran dan pembelajaran di sebuah premis yang sama. Murid yang diterima masuk adalah murid terdiri daripada murid lepasan PMR atau tamat tingkatan tiga (pembelajaran).

Pada bulan November 2002, Tuan Haji Nordin bin Awang Mad (mantan Timbalan Ketua Pelajaran) telah mengadakan lawatan ke SMK Indahpura Dua dan SK Indahpura Tiga, kedua-dua sekolah ini berada bersebelahan. Hasil lawatan tersebut beliau dan mantan pengarah JPNJ bersetuju mengambil kedua-dua premis tersebut untuk dijadikan SMPK Vokasional Indahpura iaitu sekolah pendidikan khas yang pertama berkonsepkan tiga dalam satu. Kerja ubahsuai dilakukan yang mana SMK Indahpura Dua dijadikan sekolah manakala SK Indahpura Tiga dijadikan asrama.

Mula beroperasi pada 22 Mac 2004 menumpang di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Johor Bahru yang terletak di Taman Ungku Tun Aminah, Skudai, Johor Bharu kerana kerja-kerja pengubahsuaian tidak dapat disiapkan pada masa yang dirancang. Pada 27 Julai 2004, bangunan sekolah telah diserahkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia / Bahagian Pendidikan Khas. Pejabat Sekolah mula beroperasi pada 22 Ogos 2004 dan murid mula belajar di premis ini mulai 30 Ogos 2004 dengan berulang-alik dari Kulai ke SKPK Johor Bharu. SMPK Vokasional Indahpura juga telah dianugerahkan Sekolah Kluster Kecemerlangan pada tahun 2009 (Fail Pengurusan SMPK Vokasional Indahpura, 2011).

## **2.6 Kategori Orang Kurang Upaya**

Terdapat beberapa kategori OKU yang telah disenaraikan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (2008) iaitu kurang upaya fizikal, kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan dan masalah pembelajaran.

### **2.4.1 Kurang Upaya Fizikal**


Individu yang dikategorikan sebagai kurang upaya fizikal ialah individu yang mengalami kecacatan anggota badan. Contohnya, Penyakit Polio, Kudung, *Muscular Dystrophy*, *Myopathy*, *Neuropathy* dan *Osteogenesis Imperfecta*. Mereka ini akan menggunakan tongkat atau kerusi roda dalam melakukan pergerakan.

#### **2.4.1.1 Pengguna Tongkat**

Golongan yang menggunakan tongkat adalah golongan yang mengalami masalah atau kesusahan untuk berdiri dan berjalan. Dengan penggunaan tongkat akan memudahkan mereka untuk melakukan pergerakan dan berjalan ke tempat yang dituju. Tongkat juga terdiri daripada dua jenis iaitu tongkat yang digenggam dengan tangan dan tongkat yang dikepit di bawah bahu.

Pengguna tongkat tidak boleh membengkokkan diri mereka apabila menggunakan tongkat. Oleh itu adalah sukar untuk mereka mengubah posisi dari berdiri ke posisi duduk serta mengambil apa-apa barang. Had jangkauan mereka adalah terhad. Had jangkauan secara pugak ialah dari 0.66 meter hingga 1.98 meter.

Had secara mengufuk pula ialah 0.81 meter iaitu pada satu sisi sahaja kerana tangan yang sebelah lagi digunakan untuk memegang tongkat (Rajah 1.1). Oleh itu semua peruntukan seperti pemegang pintu, butang panggilan lif, telefon, rak dan sebagainya perlu dirancang dengan mengambil kira had jangkauan dan keupayaan mereka.



Rajah 2.1: Had Jangkauan Pengguna Tongkat


#### 2.4.1.2 Pengguna Kerusi Roda

Pengguna kerusi roda adalah orang yang tidak mampu untuk berdiri dan berjalan disebabkan oleh lumpuh atau cacat sama ada dari bahagian pinggang ke bawah atau dari leher ke bawah. Orang yang tidak mempunyai kaki atau kudung juga tergolong dalam kumpulan ini. Pergerakan mereka hanyalah menggunakan kerusi roda sahaja.

Kerusi roda yang rekabentuk adalah dari jenis yang boleh dilipat dan bersaiz besar dan mempunyai roda penggerak pada bahagian belakangnya. Saiz semua kerusi roda adalah mengikut piawaian. Oleh itu, sepatutnya tiada masalah akan timbul semasa merekabentuk bangunan untuk disesuaikan dengan keperluan pengguna kerusi roda. Saiz standard kerusi roda adalah seperti Jadual 2.1 dan Rajah 2.2


Jadual 2.1: Saiz Standard Kerusi Roda

Bahagian pada kerusi roda	Ukuran standard
Panjang	1.07 meter
Lebar	0.69 meter
Tinggi dari bawah sehingga tempat duduk	0.52 meter
Tinggi dari bawah hingga bahagian letak tangan	0.74 meter




Rajah 2.2: Saiz Standard Kerusi Roda


Bagi pengguna kerusi roda, had jangkauan adalah sama dengan had jangkauan bahagian bawah dan pertengahan untuk orang yang berdiri. Oleh itu, beberapa pasang fasiliti boleh dipasang dalam lingkungan yang umum kepada kedua-dua pengguna. Dengan ini pengguna yang berdiri dan berkerusi roda dapat menggunakan kemudahan berkenaan. Had jangkauan tangan bagi pengguna kerusi roda adalah ditunjukkan dalam Rajah 2.3, Rajah 2.4 dan Rajah 2.5.



Rajah 2.3: Jangkauan Pengguna Kerusi Roda




Rajah 2.4: Jangkauan Tanpa Halangan



Rajah 2.5: Capaian Sisi Tanpa Halangan

Kaedah untuk memindahkan diri dari kerusi roda ialah secara pemindahan hadapan, belakang dan tepi. Pemindahan melalui hadapan memerlukan gerakan memusing badan dengan bantuan besi pemegang. Pemindahan melalui belakang pula dilakukan dengan membuka bahagian penyandar. Namun, tidak semua kerusi roda mempunyai bahagian belakang yang boleh dibuka. Seterusnya ialah pemindahan tepi. Ianya dilakukan dengan membuka bahagian letak tangan kerusi berkenaan dan mengangkat badan dengan bantuan besi pemegang. Kebanyakan pengguna kerusi roda menggunakan kaedah yang terakhir ini.

Oleh yang demikian, perekabentuk dan jurutera bangunan hendaklah mengambil kira dan mempertimbangkan keupayaan dan kesusahan orang kurang upaya ini semasa merekabentuk bangunan agar cara pemindahan dan pergerakan golongan ini dipermudahkan.




Rajah 2.6: Ruang Kelegaian Kerusi Roda Dan Diameter Putaran Kerusi Roda

### 2.4.2 Kurang Upaya Pendengaran

Golongan yang mempunyai masalah atau kurang upaya dalam pendengaran akan mempunyai masalah dalam percakapan. Ini bermaksud mereka juga akan menjadi bisu. Mereka ini tidak mempunyai masalah dalam melakukan pergerakan dan boleh menggunakan peralatan dalam bangunan dengan baik. Pergerakannya adalah sama dengan manusia yang normal, hanya beberapa perkara yang berbeza dan tidak membolehkannya berbuat sedemikian. Contohnya menggunakan kemudahan telefon dan mendengar pengumuman. Masalah ini boleh diatasi dengan menambahkan frekuensi bunyi suara atau menggunakan bahasa isyarat.

### 2.4.3 Kurang Upaya Penglihatan

Golongan yang mempunyai kurang upaya penglihatan menggunakan tongkat untuk meraba laluan dihadapan dan deria pendengaran semasa berjalan. Bunyi yang melantun dari lantai apabila lantai diketuk dengan tongkat dapat menolong mereka mengagak kedudukan mereka seperti yang ditunjukkan dalam rajah. Isyarat melalui bunyi akan dapat membantu mereka seperti amaran kecemasan dan lif. Selain itu juga, maklumat boleh dilakukan dengan menggunakan tulisan timbul supaya mereka dapat merasa tulisan tersebut. Contohnya menggunakan *Braille*.



Rajah 2.7 : Ruang Kelegaan bagi Pengguna Tongkat

#### 2.4.4 Masalah Pembelajaran

Pelajar bermasalah pembelajaran juga merupakan golongan berkeperluan khas yang paling ramai didapati. Dalam bab ini, kita membincangkan dengan lebih mendalam mengenai pelajar bermasalah pembelajaran menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2004).

##### 2.4.4.1 *Individual with Disabilities Education Act (IDEA), 1997*

Masalah pembelajaran didefinisikan sebagai masalah dalam satu atau lebih daripada proses asas psikologi melibatkan pemahaman atau penggunaan bahasa sama ada pertuturan atau penulisan di mana masalah yang dihadapi mengakibatkan kebolehan mendengar, berfikir, bertutur dan membaca yang tidak sempurna. Ini tidak termasuk mereka yang bermasalah pembelajaran akibat daripada ketidakupayaan penglihatan, pendengaran dan motor, kerencatan akal, gangguan emosi atau kekurangan dalam persekitaran, budaya atau ekonomi.

##### 2.4.4.2 *The National Joint Committee on Learning Disabilities (NJCLD), 1990*

Mentakrifkan masalah pembelajaran sebagai merujuk kepada satu kumpulan masalah yang pelbagai yang mengakibatkan kesukaran yang nyata mendengar, bertutur, membaca, menulis, membuat keputusan atau menyelesaikan masalah matematik. Masalah ini berpunca daripada ketidakfungsian sistem saraf pusat dan boleh berlaku pada bila-bila tahap umur. Masalah mengawal tingkah laku, persepsi dan interaksi



sosial mungkin wujud bersama masalah pembelajaran tetapi ia sendiri tidak akan menyebabkan kepada berlakunya masalah pembelajaran. Masalah pembelajaran mungkin wujud seiring dengan ketidakupayaan lain seperti masalah sensori, kerencatan mental atau gangguan emosi.

Secara kesimpulannya, pelajar bermasalah pembelajaran terdiri daripada mereka yang kurang kemampuan belajar disebabkan oleh masalah pemahaman, pertuturan, penulisan dan penyelesaian masalah matematik. Ini tidak termasuk masalah pembelajaran disebabkan oleh kerencatan mental, kurang upaya penglihatan, pendengaran, gangguan emosi dan tingkah laku.

#### **2.4.4.3 Definisi Kanak-Kanak Bermasalahan Pembelajaran (*Learning Disabilities*)**

Menurut Syairah (2009), kanak-kanak ini mempunyai masalah kerana tidak berupaya untuk mengikuti kelas seperti biasa. Ini adalah kerana mereka mempunyai masalah peribadi atau luaran yang tidak diketahui. Bagaimanapun, kanak-kanak bermasalahan pembelajaran ini tidak menghadapi sebarang masalah fizikal, emosi, penglihatan, pendengaran dan kecacatan mental (kerencatan akal).

Kanak-kanak bermasalahan pembelajaran khusus dirujuk sebagai halangan psikologikal atau neurologikal terhadap gerakbalas bahasa, sama ada lisan atau tulisan, persepsi kognitif atau aktiviti psikomotor.

Ciri-ciri yang dirumuskan sebagai kanak-kanak bermasalahan pelajaran ialah:

- (i) Pencapaian akademik keseluruhannya tidak sampai tahap memuaskan
- (ii) Lemah dalam subjek matematik dan bahasa
- (iii) Tidak menunjukkan minat dalam kelas
- (iv) Hanya berupaya memberi perhatian atau tumpuan singkat terhadap aktiviti pengajaran dan pembelajaran
- (v) Masalahnya tidak diperlukan atau tidak dapat dibantu oleh ahli keluarganya
- (vi) Mereka juga sering mengantuk, mudah lupa serta mempunyai sifat malu dan segan untuk bertanya

#### **2.4.4.4 Definisi Pelajar Bermasalah Pembelajaran (PKBP)**

Menurut Yahya (2010), kanak-kanak bermasalah pembelajaran adalah mereka yang mempunyai masalah neurologikal hingga menjejaskan pemahaman, penggunaan bahasa, pertuturan, penulisan, berfikir, membaca, menulis, mengeja dan ber matematik.

Mereka tidak mempunyai kebolehan bagi mengikuti pelajaran secara formal seperti murid-murid lain. Justeru, mereka tidak mempunyai kebolehan untuk maju secara normal di sekolah. Prestasi mereka menunjukkan mereka tidak ada kebolehan bergerak secara normal dalam kerja-kerja sekolah. Mereka tidak dapat membantu kerja-kerja kelas yang sesuai dengan umur mereka. Jika dibandingkan dengan murid lain dalam lingkungan umur yang sama, mereka menunjukkan kelemahan yang nyata dalam pelajaran.

Keperluan untuk memberi pendidikan kepada semua kanak-kanak adalah menjadi satu daripada tanggungjawab sosial yang penting dalam masyarakat. Individu berkeperluan khas yang berada dalam Program Pendidikan Khas Bermasalah Pembelajaran (PKBP) di bawah seliaan Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan mereka yang terdiri daripada pelbagai kategori seperti Disleksia, Autisme, Perkembangan Lewat, Hiperaktif dan sebagainya.

## **2.5 Peruntukan Perundangan di Malaysia**

Golongan OKU perlu mempunyai hak sama dengan golongan normal yang lain. Oleh itu dalam menjaga hak dan kebajikan golongan kurang upaya ini, kerajaan Malaysia telah memperkenalkan beberapa undang-undang dan garis panduan yang boleh dijadikan rujukan dan penilaian iaitu Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, SIRIM *Code of Practice* dan Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan.

### **2.5.1 Undang-undang Kecil Bangunan Seragam**

Pindaan telah dilakukan pada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam pada 1990. Tambahan pada Undang-undang Kecil Bangunan Seragam ialah peruntukan 34A yang mewajibkan semua bangunan yang boleh dikunjungi disediakan kemudahan

untuk OKU. Antara perkara-perkara yang termaktub dalam undang-undang 34A ialah:

- (i) Seksyen Pertama menghendaki disediakan aksesibiliti bagi membolehkan golongan OKU masuk, keluar, dan bergerak di dalam bangunan serta rekabentuk kemudahan aksesibiliti itu mestilah sesuai untuk OKU
- (ii) Seksyen Kedua menetapkan bahawa spesifikasi kemudahan OKU hendaklah mengikut Piawaian Malaysia *MS 1183* dan *MS 1184*
- (iii) Seksyen Ketiga, Keempat dan Kelima memutuskan bahawa penguatkuasaan terhadap pelan bangunan yang dikemukakan mestilah mematuhi Piawaian Malaysia untuk memasukkan kemudahan bangunan untuk OKU serta ubahsuai bangunan perlu menyediakan kemudahan OKU.
- (iv) Seksyen Keenam menyenaraikan bangunan yang dikehendaki menggunakan undang-undang ini untuk kemudahan golongan OKU.
- (v) Secara keseluruhannya di dalam konteks perundangan, kemudahan bangunan untuk OKU telah dimasukkan dalam pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (1984) pada tahun 1990 dengan menambah peruntukan 34A. Setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menggunakan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 dikehendaki menguatkuasakan undang-undang ini dan memastikan bahawa kehendak kemudahan bangunan untuk golongan OKU disediakan berdasarkan Piawaian Malaysia *MS 1184* dan *MS 1331*.

### ***2.5.2 Standard & Industrial Research Institute of Malaysia (SIRIM) Code of Practice***

*SIRIM Code of Practice* ini telah dikeluarkan oleh pihak SIRIM sebagai garis panduan dan piawaian yang akan digunakan oleh perancang bandar, jurutera dan arkitek dalam merancang dan menyiapkan sesuatu bangunan yang mesra pengguna terutamanya golongan kurang upaya. Terdapat tiga kod amalan berkenaan dengan fasiliti untuk OKU dalam menyiapkan sesuatu bangunan.

### **2.8.3 *Code of Practice For Access for Disabled People to Public Buildings, (MS 1184)***

Kod amalan ini dikeluarkan oleh SIRIM pada tahun 1991, diubah dan dikeluarkan semula pada tahun 2002 disebabkan komitmen pihak kerajaan terhadap kualiti kehidupan OKU. Secara amnya, kod ini menyenaraikan panduan berkaitan dengan spesifikasi standard piawaian kemudahan bagi golongan OKU yang perlu ada pada sesebuah bangunan. Kod ini terpakai bagi semua bangunan yang diguna oleh OKU samada sebagai orang awam, pelawat atau sebagai pekerja. Walaubagaimanapun, kod ini tidak boleh digunakan bagi bangunan perumahan.

Perkara utama yang terkandung dalam kod amalan ini adalah spesifikasi piawaian mengenai ciri-ciri fasiliti golongan OKU seperti saiz, ukuran, jenis, bahan dan rekabentuk yang sesuai dan selamat untuk digunakan oleh mereka. Kemudahan golongan OKU tersebut termasuklah *ramp*, pemegang tangan (*handrail*), tangga dan anak tangga, tandas, papan tanda dan symbol-simbol. Kod amalan ini juga menetapkan jenis-jenis bangunan yang dimaksudkan pemakaiannya termasuklah:

- (i) Bangunan hospital, klinik, pusat-pusat kebajikan, masjid atau surau
- (ii) Bangunan-kedai, pasaraya, pusat pentadbiran, pejabat, bank dan pejabat pos
- (iii) Restoran, dewan, panggung wayang, bangunan persidangan, pusat komuniti, kolam renang, kompleks sukan dan bangunan rekreasi
- (iv) Bangunan kerajaan dan bangunan awam
- (v) Sekolah, kolej, universiti, zoo, muzium, galeri, perpustakaan dan bangunan sains dan kebudayaan
- (vi) Asrama, hotel dan bangunan perumahan selain dari rumah persendirian

### **2.8.4 *Code of Practice for Access for Disabled People Outside Buildings (MS 1331), 1993***

Kod amalan ini yang dikeluarkan oleh SIRIM pada tahun 1993 adalah berkenaan Piawaian Malaysia ke atas peruntukan rekebentuk kemudahan-kemudahan khas luar bangunan supaya ia boleh digunakan secara mudah (*accessible*) dan kerap digunakan (*useable*) oleh OKU.

Antara perkara yang diambil kira adalah laluan pejalan kaki, lampu, *ramp*, tangga, pemegang (*handrails*), perabot jalan, kawasan siar kaki, tempat duduk khas, laluan bawah jambatan, lintasan kaki, lampu isyarat, tempat letak kereta khas dan tempat tunggu bas, laluan ke bas, papan tanda serta simbol-simbol. Skop kegunaan perkara ini termasuk semua jenis bangunan selain dari rumah persendirian termasuk tempat kerja dan bangunan awam.

### **2.8.5 Code of Practice for Means of Escape for Disabled (MS 1183), 1990**

Kod amalan ini menyediakan garis panduan kepada pereka dan kontraktor bagi kerja-kerja yang melibatkan bangunan baru atau ubahsuaian bangunan, seliaan serta tindakan atau keperluan yang perlu disediakan sekiranya berlaku kebakaran yang melibatkan keselamatan golongan OKU. Antara peruntukan keselamatan dan pencegahan kebakaran bagi golongan OKU termasuklah tangga, ruang, jalan keluar, lif kecemasan atau lif bomba, alat panggilan kecemasan, tangga dan lif khusus untuk pengguna kerusi roda.

Seperti kod amalan MS 1184: 1991, kod ini telah juga diwartakan dalam Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (1984). Dalam tambahan peruntukan 34A yang mewajibkan agar semua bangunan (kecuali rumah persendirian) yang dikunjungi oleh orang awam disediakan juga kemudahan keselamatan kebakaran untuk golongan OKU.

## **2.9 Garis Panduan Umum Perancangan Kemudahan Golongan Kurang Upaya di Malaysia**

Dalam memastikan segala dasar dan polisi kerajaan mengenai pembangunan yang mesra OKU, pihak kerajaan melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah mengeluarkan satu Garis Panduan dan Piawai Perancangan Kemudahan Golongan Kurang Upaya. Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menetapkan satu garis panduan yang digunakan sebagai panduan kepada para perancang dan jurutera. Garis panduan yang digubal ini hanya menumpu kepada peruntukan dan penyediaan kemudahan bagi golongan OKU di sekitar luar bangunan sama ada awam, bangunan perniagaan, terminal pengangkutan awam mahupun kawasan rekreasi. Berikut adalah garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa: